

PENILAIAN AKHIR TAHUN

Bahagian A


(10 markah)

Jawab **semua** soalan.

1 _____ ialah cantuman atau sambungan siri titik yang mempunyai ukuran panjang dan jarak.

- A Garisan
- B Ruang
- C Bentuk
- D Tekstur

2 Nyatakan teknik pembinaan objek yang ditunjukkan dalam gambar rajah di bawah.



- A Pembuangan
- B Pembedaman
- C Peleraian
- D Penyatuan

3 Proses kerja dalam pengurusan projek reka bentuk terdiri daripada

- I skop kerja.
- II kos projek.
- III kos sampingan.
- IV tempoh masa.

- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- C II, III, dan IV
- D I, II, III, dan IV

4 Antara berikut, yang manakah **tidak benar** mengenai *mock-up*?

- A Model olokan yang dibuat sebelum menghasilkan model sebenar
- B Dibina mengikut saiz atau tanpa ukuran sebenar
- C Pelbagai jenis bahan dapat digunakan untuk membina *mock-up*
- D Terdiri daripada separa berfungsi dan berfungsi sepenuhnya


5 Soalan berdasarkan pernyataan di bawah.

Lakaran ini dibina untuk perbandingan dengan produk sedia ada dalam pelbagai aspek evolusi sama ada dari segi bentuk, saiz, bahan, dan sebagainya.

Apakah lakaran tersebut?

- A Lakaran peribadi
- B Lakaran penerokaan
- C Lakaran teknikal
- D Lakaran persembahan

6 Apakah jenis lakaran perspektif yang ditunjukkan dalam gambar rajah di bawah?



- A Lakaran perspektif satu titik
- B Lakaran perspektif dua titik
- C Lakaran perspektif tiga titik
- D Lakaran perspektif pandangan atas

7 Apakah tujuan penambahbaikan pada sesuatu lakaran?

- I Memenuhi rasa pengguna terkini
- II Mengikut trend semasa
- III Menyaingi produk dalam pasaran
- IV Mengikut kehendak pasaran semasa

- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- C II, III, dan IV
- D I, II, III, dan IV

8 Antara berikut, yang manakah **tidak benar** mengenai jadual perbandingan sistem fertigasi dengan sistem konvensional?

	Perbandingan	Sistem Fertigasi	Sistem Konvensional
A	Air	Air bersih	Pelbagai sumber air
B	Modal	Tinggi	Rendah
C	Tapak tanah	Mesti rata	Mesti rata
D	Elektrik	Mesti ada	Tidak perlu


9 Soalan berdasarkan pernyataan yang diberi.

Media tanaman adalah daripada sabut kelapa dan mudah reput. Selain itu, media tanaman ini dapat mengekalkan kelembapan dan baik untuk pengudaraan.

Apakah media tanaman tersebut?

- A *Coco peat*
- B Sekam padi
- C *Peat moss*
- D Lumut sphagnum

10 Susun langkah pembangunan produk reka bentuk fesyen mengikut urutan yang betul.



Bahagian B
(50 markah)
Jawab **semua** soalan.


1 Padankan definisi reka bentuk dengan huraian yang tepat dengan menulis **A**, **B**, dan **C** dalam ruang yang disediakan.

A	Reka Bentuk dan Teknologi	B	Teknologi	C	Reka Bentuk
----------	---------------------------	----------	-----------	----------	-------------

	Pengaplikasian ilmu sains dan matematik dengan menggunakan sumber semula jadi untuk memudahkan hidup manusia.
	Pengetahuan tentang penyusunan bahan secara terancang untuk menghasilkan sesuatu produk yang memberikan impak kepada kehidupan.
	Gabungan pengetahuan tentang penyusunan bahan secara terancang dengan mengaplikasikan pengetahuan sains dan matematik.

(3 markah)

2 Nyatakan **empat** teknik yang lazim digunakan dalam pembinaan objek.



(4 markah)

3 Tuliskan sama ada INVENSI atau INOVASI bagi pernyataan di bawah.

(a) Proses menghasilkan produk yang baharu


(b) Pengubahsuaian produk yang sedia ada

(c) Berlaku apabila terdapat penambahbaikan terhadap fungsi, corak, sistem atau rupa bentuk

(d) Pembangunan produk yang mempunyai unsur kreatif dan berdaya saing

(4 markah)

4 Lengkapkan langkah pengurusan pelaksanaan projek di bawah.



(5 markah)

5 Susun langkah penjadualan projek dengan menulis **1, 2, 3, dan 4** dalam ruang yang disediakan. Jawapan **5** dan **6** telah diberikan.

Membangunkan jadual	5
Menganggarkan kos dan bajet	6
Menyusun aktiviti mengikut keperluan	

Menganggarkan tempoh masa	
Menentukan aktiviti jadual	
Menganggarkan sumber untuk aktiviti	

(4 markah)

6 Pelbagai jenis bahan dapat digunakan untuk menghasilkan mock-up. Nyatakan **lima** bahan yang biasa digunakan.

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____
- (d) _____
- (e) _____

(5 markah)

7 Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Perancangan pengurusan projek melibatkan skop projek, _____ **A** _____, masa, _____ **B** _____, dan _____ **C** _____.

- A:** _____
- B:** _____
- C:** _____


(3 markah)

- 8 Maklumat di bawah berkaitan carta aliran tugas reka bentuk. Susun proses tersebut mengikut langkah yang betul dengan menulis **1, 2, 3,** dan **4** dalam ruang yang disediakan.

Memikirkan masalah	
Mengumpul idea	
Membentang idea reka bentuk	
Melakar penyelesaian masalah	


(4 markah)

- 9 Lakaran piktorial menunjukkan tiga pandangan. Nyatakan **tiga** pandangan tersebut.



(3 markah)


- 10 Nyatakan **tiga** sudut pandangan yang berlabel **A, B,** dan **C** dalam ruang yang disediakan.



A	
B	
C	




(3 markah)

11 Berikan **empat** kelebihan menanam secara fertigasi.



(4 markah)

12 Nyatakan fungsi bagi alatan yang digunakan dalam reka bentuk fesyen di bawah.

		
(a)	(b)	(c)

(3 markah)

13 Nyatakan jenis bahan dalam reka bentuk fesyen berdasarkan pernyataan yang diberi.

- (a) Merapatkan, mencantum atau melekatkan bahan pada pakaian
- (b) Sekeping fabrik yang diletak di antara fabrik pakaian dengan lapik
- (c) Benang tekstil yang ditunen, dikait, dianyam atau dijalin untuk menghasilkan pakaian
- (d) Mencantum atau melekatkan dua atau lebih artikel dengan tangan atau mesin
- (e) Hiasan tambahan pada aksesori

(5 markah)

Bahagian C
(40 markah)
Jawab **semua** soalan.

21 Yang berikut adalah pengagihan kewangan dalam mengeluarkan 30 unit rak pakaian.

Jenis Bahan	Jumlah
Kos bahan	RM5000
Kos upah	Empat pekerja bekerja selama 20 hari dengan kadar upah RM60 sehari
Kos overhed	<ul style="list-style-type: none">• Bil elektrik: RM30• Bil air: RM20• Bil telefon: RM50

(a) Kirakan kos pengeluaran seunit rak pakaian.

(3 markah)

(b) Kirakan kos jualan bagi seunit rak pakaian jika keuntungan yang ingin diperolehi ialah 30 peratus.


(2 markah)

(c) Nyatakan maksud dan konsep SMART di bawah.

S	
M	
A	
R	
T	

(5 markah)

22 Gambar rajah di bawah menunjukkan dua jenis lakaran buah pir.



Berdasarkan gambar rajah,

(a) Nyatakan jenis lakaran bagi A dan B.

(2 markah)

(b) Terangkan perbezaan antara kedua-dua jenis lakaran yang dinyatakan di (a).

Lakaran 2D	Lakaran 3D

(6 markah)

(c) Nyatakan **dua** jenis maklumat yang diperolehi daripada lakaran sesuatu projek.

(2 markah)

23 Gambar rajah di bawah menunjukkan satu kaedah penanaman.



Berdasarkan gambar rajah,

(a) Nyatakan tujuan penanaman bagi kaedah tersebut.

(2 markah)

(b) Huraikan sistem pengairan yang paling sesuai digunakan untuk sistem fertigasi tersebut.

(2 markah)

(c) Bandingkan kaedah penanaman sistem fertigasi di bawah.

Sistem Perlindungan Hujan	Sistem Terbuka

(6 markah)

24 Sofea memilih pakaian di bawah untuk digayakan di majlis hari jadi kawannya.



Berdasarkan gambar rajah,

(a) Nyatakan bentuk badan Sofea dalam penggunaan pakaian tersebut.

_____ (1 markah)

(b) Selain bentuk badan di (a), nyatakan **tiga** bentuk badan lain yang menjadi asas kepada reka bentuk fesyen.

- i. _____
 - ii. _____
 - iii. _____
- (3 markah)

(c) Nyatakan faktor yang mempengaruhi pemilihan reka bentuk fesyen.

- i. _____
 - ii. _____
 - iii. _____
 - iv. _____
- (4 markah)

(d) Apakah warna pakaian yang sesuai bagi individu yang berusia ingin kelihatan muda?

- i. _____
 - ii. _____
- (2 markah)